

Kabinet diperkasa mendepani cabaran, sejahterakan rakyat

28 lantikan baru dalam pertukaran portfolio menteri, timbalan menteri

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Rombakan Kabinet Kerajaan MADANI yang diumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menyaksikan 28 lantikan baharu dan pertukaran portfolio bagi jawatan menteri dan timbalan menteri.

Perdana Menteri menegaskan, rombakan itu bagi memastikan Jemaah Menteri berfungsi sebagai sebuah pasukan yang mantap serta menumpukan perhatian kepada usaha menjana pertumbuhan ekonomi dan menyelesaikan masalah rakyat.

Katanya, rombakan membabitkan lantikan baharu dan pertukaran portfolio itu dibuat susulan kekosongan dalam barisan Jemaah Menteri serta keperluan semasa untuk memperkasakan keupayaan Kabinet dalam mendepani cabaran serta kesejahteraan rakyat.

"Seperti mana sudah sedia maklum, ada beberapa kekosongan dalam barisan Jemaah Menteri dan ada keperluan untuk membuat sedikit penyesuaian supaya Kabinet bekerja sebagai satu pasukan.

"Ia juga penting bagi menumpukan perhatian menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih segar serta menyelesaikan masalah rakyat," katanya pada pengumuman khas rombakan Kabinet semalam. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri turut mengumumkan pertukaran portfolio bagi tiga menteri iaitu Datuk Seri Johari Abdul Ghani, yang sebelum ini memegang jawatan Menteri Perladangan dan Komoditi, bertukar portfolio sebagai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Hannah Yeoh bertukar portfolio daripada Kementerian Belia dan Sukan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), manakala Menteri Sumber Manusia, Steven Sim bertukar sebagai Menteri Pembangunan Usahawan



Anwar pada sidang media pengumuman khas rombakan Kabinet yang turut dihadiri Shamsul Azri di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dan Koperasi.

Perdana Menteri turut mengumumkan kenaikan pangkat bagi enam timbalan menteri yang kini dilantik sebagai menteri dalam rombakan semalam.

Mereka terdiri daripada Datuk Seri Dr Noraini Ahmad yang dilantik sebagai Menteri Perladangan dan Komoditi; Akmal Nasrullah Mohd Nasir dilantik sebagai Menteri Ekonomi; Senator Dr Zulkifli Hasan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Datuk Seri R Ramanan dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia; Datuk Mustapha Sakmud sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak), manakala Datuk Arthur Joseph Kurup (Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam).

Satu-satunya pelantikan baharu bagi Menteri Kabinet ialah Ahli Parlimen Sungai Petani, Dr Mohammed Taufiq Johari, yang mengetuai Kementerian Belia dan Sukan.

10 bertukar portfolio

Seramai 10 timbalan menteri bertukar portfolio terdiri daripada Liew Chin Tong bertukar kepada Timbalan Menteri Kewangan; Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad (Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air); Datuk Chan Foong Hin (Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan); Datuk Lukanisman Awang Sauni (Timbalan Menteri Luar Negeri); Lim Hui Ying (Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Adam Adli Abd Halim sebagai Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi,

Selain itu, Datuk Hanifah Hajar Taib bertukar portfolio sebagai Timbalan Menteri Kesihatan; Datuk Mohamad Alamin (Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi); Datuk Seri Huang Tiong Sii (Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi) serta Khairul Firdaus Akbar Khan sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Pelantikan baharu bagi lapan jawatan timbalan menteri terdiri daripada Ahli Parlimen Tawau. Datuk Lo Su Fui dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); Ahli Parlimen Miri. Chiew Choon Man (Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya); Ahli Parlimen Segamat. Yuneswaran Ramaraj (Timbalan Menteri Perpaduan Negara); Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri).

Turut dilantik sebagai timbalan menteri ialah Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Mohd Shahar Abdullah (Timbalan Menteri Ekonomi); Ahli Parlimen Mas Gading Mordi Bimol (Timbalan Menteri Belia dan Sukan); Ahli Parlimen Ledang Syed Ibrahim Syed Noh (Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam) serta aktivis yang juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Bayu Raudhah Sabah, Marhamah Rosli sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Perdana Menteri berkata, hanya menteri dan timbalan menteri yang terbabit dalam pertukaran portfolio atau lantikan baharu diumumkan, manakala yang kekal tidak diumumkan.